

## **MEMAINKAN PERANAN KITA UNTUK MELINDUNGI KANAK-KANAK DARIPADA KESAN-KESAN PENYALAHGUNAAN DADAH <sup>1</sup>**

### **1. PERANAN IBU BAPA**

Para ibu dan bapa yang memberi sokongan boleh mendidik anak-anak mereka nilai-nilai dan juga kemahiran-kemahiran hidup yang boleh memberi panduan kepada anak-anak mereka di dalam membuat keputusan yang betul di dalam hidup.

- Para ibu bapa boleh membina hubungan ibu bapa dan anak yang baik. Para ibu bapa patut menunjukkan kepada anak-anak mereka bahawa mereka amat mengambil berat dan mereka amat berminat terhadap perkara-perkara yang dilakukan oleh anak-anak mereka.
- Para ibu bapa patut berbicara dengan anak-anak mereka, bukan pada mereka, dan kekalkan komunikasi yang terbuka sepanjang masa. Mereka patut beri perhatian terhadap apa yang dikatakan oleh anak-anak mereka.
- Para ibu bapa patut berwaspada dan beri perhatian kepada bahasa gerak badan anak-anak mereka. Kanak-kanak yang tenang akan memberi senyuman, dan tidak akan menunjukkan tanda-tanda cemas. Tanda-tanda ini termasuklah menghayunkan atau menghentak kaki, bermain dengan jari dan menghayunkan kepala apabila bercakap.
- Para ibu bapa patut membantu anak-anak mereka rasa bertanggungjawab. Kanak-kanak boleh diberikan tugas-tugas di rumah untuk mempelajari tentang tanggungjawab.
- Para ibu bapa patut membantu anak-anak mereka untuk mengatakan tidak pada dadah. Satu cara untuk mencapai ini adalah dengan menggalakkan mereka bersukan atau melakukan hobi-hobi yang berunsur positif di masa lapang mereka.
- Para ibu bapa patut mempelajari tentang bahaya-bahaya dadah dan apa dadah boleh lakukan kepada orang-orang yang mengambilnya supaya mereka dapat membantu anak-anak mereka membuat pilihan-pilihan yang berpengetahuan.
- Para ibu bapa patut pelajari bagaimana untuk mengenalpasti tanda-tanda penyalahgunaan dadah. Antara tanda-tandanya adalah :
  - ➡ Mempunyai 'mood', teruja, marah, kemurungan, tidak ramah
  - ➡ Selalu menipu dan mencuri
  - ➡ Tidak mahu mengaku kesan-kesan yang memudaratkan
  - ➡ Berahsia tentang panggilan-panggilan telefon yang dibuat
  - ➡ Mempunyai rakan-rakan yang mereka tidak anda temui atau tidak mahu bercakap tentang
  - ➡ Selalu mengelak apabila ditanya tentang di mana mereka berada
  - ➡ Tidak mempunyai motivasi
  - ➡ Tiada minat terhadap kehidupan mereka seharian
  - ➡ Selalu tidak pergi ke sekolah
  - ➡ Tidak mempunyai minat terhadap kebersihan diri dan juga penampilan diri

<sup>1</sup> Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Dadah dan Jenayah (UNODC)

## **2. PERANAN SEKOLAH-SEKOLAH DAN GURU-GURU**

Sekolah-sekolah patut menjadi persekitaran yang selamat di mana kanak-kanak boleh mengembangkan kemahiran-kemahiran diri dan juga rasa tanggungjawab. Para guru juga patut menolong kanak-kanak membina keyakinan diri dan juga rasa hormat pada diri sendiri.

- Para guru boleh menjadi 'role model' untuk pelajar-pelajar mereka dan menghindarkan diri daripada menyalahgunakan dadah. Ini semuanya amat penting sekiranya anak-anak muda tidak mempunyai ahli-ahli keluarga yang memberi sokongan kepada mereka untuk menasihati mereka.
- Para guru boleh membantu para pelajar menyedari bahawa mereka tidak keseorangan di dalam menghadapi cabaran-cabaran ketika membesar. Didik para pelajar kemahiran-kemahiran hidup supaya mereka boleh menolak tekanan daripada rakan-rakan mereka untuk mencuba dadah.
- Para guru boleh membantu para pelajar bina rasa hormat kepada diri sendiri dan juga mengukuhkan kemahiran-kemahiran diri yang pelbagai. Para guru boleh membantu menerapkan keyakinan di dalam pelajar-pelajar mereka dengan menggalakkan mereka untuk menerima diri mereka sendiri.
- Para guru patut menunjukkan toleransi agar para pelajar lebih bersedia untuk meluahkan pemikiran serta pendapat mereka.
- Para guru boleh membantu para pelajar mengetahui dengan lebih lanjut tentang dadah dan HIV/AIDS melalui luahan kreatif – debat-debat di dalam kelas, pertandingan seni, drama dan juga 'role play'.
- Para guru patut menggalakkan para pelajar untuk melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti sukan ko-kurikulum kerana ia boleh menerapkan gaya hidup yang sihat.
- Para guru patut mengetahui bagaimana untuk mengenalpasti tanda-tanda amaran penyalahgunaan dadah termasuklah:
  - ➔ Kemahiran tanpa sebab
  - ➔ Tiada minat di dalam pelajaran atau aktiviti-aktiviti ko-kurikulum
  - ➔ Sukar untuk berkawan dengan orang-orang lain
  - ➔ Ponteng sekolah selalu
  - ➔ Gred yang rendah dan juga prestasi akademik yang lemah
  - ➔ Tahap perhatian yang rendah
  - ➔ Tidak mempunyai minat terhadap kebersihan diri dan juga penampilan diri